

U.M. 26 JUL 1971

MORIB 25 Julai Bekas
M Exco UMNO Malaysia,
Dr. Mahathir Mohamad telah menegor kerajaan kerana terlalu menumpukan 'penggunaan jentera' dalam projek pembangunan yang bertentangan dengan dasar-nya untuk mengurangkan penganggoran di kalangan rakyat Malaysia.

Kata-nya, dalam hubungan ini, tidak-lah bererti penggunaan jentera tidak boleh di-gunakan, tetapi ia-nya harus di-hadkan.

Tegoran ini di-buat dalam kertas kerja-nya bertajuk "Kesan Kejenteraan dan Penganggoran" yang di-bentangkan dalam Seminar Pemuda UMNO Malaysia di-Morib hari ini.

Dr. Mahathir berkata, "ada jentera2 yang tidak boleh di-ganti dengan tenaga dan kecekapan manusia atau pun yang merugikan masyarakat jika tidak di-guna".

Kata-nya lagi, biasa-nya negara2 yang membangun mengambil pedoman atau contoh daripada negara2 yang sudah membangun, maju, kaya dan kuat

LIHAT MUKA 10
(Ruangan 5)

tanpa membuat kajian dan penyelidikan yang halus serta mendalam tentang akibat2 dan faedah-nya.

"Dalam mendewa2kan negara yang maju, kadang2 pakar2 ekonomi dan ahli2 perancang lebih senang melihat nyamok di-seberang sungai daripada gajah di-depan mata," ujar beliau.

Beliau memberi contoh tentang penggunaan 'parking meter', "penggunaan parking meter di-negara2 barat kerana kekurangan kakitangan dan mengurangkan belanja".

"Apabila meter2 itu dilihat oleh pegawai2 Majlis Bandaran Kuala Lumpur dan Pulau Pinang di-ikutinya rancangan itu tanpa memikirkan sebab2-nya meter itu di-gunakan di-negara2 barat," tambah-nya.

Dr. Mahathir menyatakan bahawa mereka chuma mengangap bahawa ini ia-lah satu simbol kemajuan, sa-benar-nya alat2 itu menyekat orang2 Malaysia yang banyak menganggor" kata-nya.